

TAUBAT, SEGERAKAN DAN TERUSKAN

Oleh: JHEAINS

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

﴿ وَمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا لَعِبٌ وَلَهْوٌ وَلَلدَّارُ الْآخِرَةُ خَيْرٌ لِّلَّذِينَ يَتَّقُونَ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى الْهَادِي الْبَشِيرِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ
اهْتَدَى بِهُدَاهُمْ عَلَى الدَّوَامِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

SAUDARA MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH!

Sememangnya dunia ini penuh dengan permainan melalaikan. Meskipun kita cuba mengawal diri daripada terperangkap dengan tipu dayanya, namun ada kalanya kita tewas juga akibat kelemahan iman dan kelunturan sifat takwa kepada Allah SWT. Sebab itu, kita semua dituntut supaya sentiasa berusaha meningkatkan serta memurnikan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT dalam apa jua keadaan dan suasananya. Caranya sudah tentulah dengan mengerjakan segala suruhan dan menjauhi segala larangan Allah SWT dengan penuh keikhlasan secara berterusan. Hanyasanya keimanan dan ketakwaan yang sebenar-benarnya kepada Allah sahajalah yang dapat menghindarkan kita daripada terperangkap dengan tipu daya dunia yang mempesonakan, sekali gus menjamin kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.

Allah SWT memperingatkan kita tentang hal ini melalui firman-Nya:-

﴿ وَمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا لَعِبٌ وَلَهْوٌ وَلَلدَّارُ الْآخِرَةُ خَيْرٌ لِّلَّذِينَ يَتَّقُونَ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴾

Yang bermaksud: "Dan tidak (dinamakan) kehidupan dunia melainkan permainan yang sia-sia dan hiburan yang melalaikan; dan demi sesungguhnya negeri akhirat itu lebih baik bagi orang yang bertakwa. Oleh itu, tidakkah kamu mahu berfikir?" (S. Al-An'aam: 32).

Sehubungan dengan firman Allah tersebut, maka sudah sepatutnyalah kita tidak memandang ringan tuntutan meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT di samping bertaubat daripada segala kesilapan, kesalahan dan dosa yang terlanjur dilakukan. Ini kerana hanya ketakwaan kepada Allah serta keampunan-Nya yang akan menjamin kebahagiaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat.

SAUDARA MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH!

Sebagai manusia biasa, agak sukar bagi kita mengelakkan diri daripada melakukan kesilapan mahupun kesalahan sama ada secara sengaja ataupun tidak sengaja. Dalam erti kata yang lain, tiada seorang pun dari kalangan kita yang tidak melakukan dosa. Perbezaannya cuma terletak pada besar ataupun kecilnya dosa yang dilakukan.

Namun yang pasti, sesiapa yang menyedari dirinya sudah melakukan banyak kesalahan dan dosa atau disedarkan oleh orang lain terhadap dosanya, wajib bersegera bertaubat kepada Allah dengan taubat nasuha. Taubat bererti kembali, yakni kembali kepada fitrah manusia yang lahir dalam keadaan suci bersih dari sebarang kekotoran noda dan dosa.

SAUDARA MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH!

Antara perintah yang paling tegas melaksanakan taubat dalam Al-Quran adalah firman Allah SWT:-

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا تُوبُوْا اِلَى اللّٰهِ تَوْبَةً نَّصُوْحًا عَسٰى رَبُّكُمْ اَنْ يُكْفِرَ عَنْكُمْ سَيِّئَاتِكُمْ
وَيُدْخِلَكُمۡ جَنَّٰتٍ تَجْرٰى مِنْ تَحْتِهَا الْاَنْهٰرُ

Yang bermaksud: “ *Wahai orang yang beriman! bertaubatlah kepada Allah dengan ‘taubat nasuha’, mudah-mudahan Tuhan kamu akan menghapuskan kesalahan-kesalahan kamu dan memasukkan kamu ke dalam syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai...*” (S. At-Tahrim: 8).

Menyentuh hal yang sama, Rasulullah SAW turut menganjurkan kita semua supaya bertaubat dan memohon keampunan daripada Allah SWT, sebagaimana sabdanya yang bermaksud: “*Hai sekalian manusia, bertaubatlah kepada Allah dan mohonlah pengampunan daripada-Nya, kerana sesungguhnya aku bertaubat dalam sehari seratus kali.*” (HR. Muslim).

Melalui ayat al-Quran dan hadis ini, adalah jelas sekali bahawa kita sangat dianjurkan supaya bertaubat dan kembali kepada Allah SWT. Dengan sifat Pemaaf-Nya, Allah SWT memberi ruang dan peluang kepada kita untuk mensucikan diri masing-masing daripada segala kekotoran noda dan dosa yang dilakukan kerana sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani hamba-hamba-Nya yang bersedia dan mahu mensucikan diri daripada segala perbuatan mungkar dan dosa. Maka, jangan persiakan sisa-sisa hidup yang masih ada untuk bertaubat dan memohon keampunan daripada Allah kerana sesungguhnya kita semua adalah manusia biasa yang tidak terlepas daripada godaan nafsu dan syaitan.

SAUDARA MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH!

Ulama menjelaskan pengertian taubat nasuha sebagai taubat yang dilakukan dalam erti kata sebenar, bukannya taubat untuk jangka waktu tertentu atau taubat pura-pura disebabkan malu dengan dosa. Ibn Kathir menyebutkan taubat nasuha sebagai taubat yang benar ikhlas dan kebanyakan ulama menyebut sebagai taubat daripada dosa dan tidak lagi mengulangi perbuatan itu. Manakala al-Kalabi pula menyebutkan taubat nasuha sebagai beristighfar dengan lidah, insaf dengan hati dan mencegah dengan anggota badan.

Menurut Imam al-Ghazali dalam kitabnya, Ihya' Ulumiddin, taubat membawa makna yang terangkum di dalamnya tiga unsur, yaitu ilmu, keadaan dan amal sama ada ketika bertaubat mahupun selepas bertaubat.


Apabila seseorang hamba berilmu, iaitu mengetahui bahaya serta natijah dosa yang dilakukannya pasti dia menyedari bahawa dosa itu adalah seperti racun yang bakal memudaratkan dirinya di akhirat kelak. Kesedaran itulah yang akan menginsafkan dirinya sehingga merasa menyesal dalam hatinya kerana kehilangan iman yang menjadi perisai daripada azab neraka. Kesedaran serta rasa gerun terhadap siksaan neraka kemudiannya menimbulkan pula perasaan menyesal terhadap segala perbuatan yang telah dilakukan.

Sebagai natijahnya, kesedaran dan penyesalan yang lahir akhirnya mengubah peri laku lalu menjadikan seseorang hamba yang salih yang sentiasa berazam melakukan kebaikan dan tidak akan sesekali mengulangi dosa lalu. Bilamana keadaan ini benar-benar wujud dan mekar pada diri seseorang hamba itu, akan lahirlah cita-cita membuat kebajikan sebagai menebus dosanya. Seterusnya, hamba yang sedemikian akan meninggalkan segala dosa, berazam tidak akan mengulangi dosa itu dan menyesali segala dosa yang dilakukan.

Ia termasuklah memohon kemaafan daripada manusia yang pernah dianiaya atau dizalimi sama ada secara langsung ataupun tidak langsung. Kalau penganiayaan itu berupa fitnah, ia hendaklah diselesaikan dengan cara membersihkan nama baiknya. Andai kata harta yang diambil, ia dilunaskan dengan cara mengembalikannya kepada pemiliknya atau mohon dihalalkan.

SAUDARA MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH!

Ketahuilah bahawa umat Islam yang sentiasa bertaubat terhadap segala perbuatan mungkar dan dosa yang dilakukan adalah kalangan hamba paling dikasihi oleh Allah SWT. Hal ini ditegaskan oleh Allah SWT melalui firman-Nya:-

 إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ التَّوَّابِينَ وَيُحِبُّ الْمُتَطَهِّرِينَ

Yang bermaksud: "...Sesungguhnya Allah mengasihi orang yang banyak bertaubat, dan mengasihi orang yang sentiasa mensucikan diri." (S. Al-Baqarah: 222).

Oleh hal yang demikian, kasih dan cinta Allah ini harus kita semua rebut melalui jalan bertaubat dan memohon keampunan atas segala dosa yang dilakukan kepada Allah Yang Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani. Dalam erti kata yang lain, jangan berlengah atau bertangguh dalam menginsafi dan menyesali noda dan dosa yang dilakukan. Sebaliknya, bersegeralah bertaubat dan memohon ampun kepada Allah dengan azam yang kuat untuk tidak lagi mengulangi segala perbuatan yang merugikan kehidupan di dunia dan di akhirat.

Pada masa sama, kita semua harus sentiasa berusaha melakukan penambahbaikan terhadap amal ibadat yang wajib mahupun yang sunat. Kalau hari ini kita hanya bersembahyang hanya sekali seminggu, maka tingkatkanlah prestasi ibadat dengan melaksanakan solat fardu yang lima. Kalau terlibat dengan aktiviti judi, maka jauhilah semua premis dan peralatan judi mula saat ini.

Kalau dulu berat tangan untuk mengeluarkan sedekah, maka bersegeralah merebut sifat rahman dan rahim Allah, walaupun hanya dengan menyedekahkan sebiji buah kurma. Dengan bertaubat, kita dapat menyuburkan hubungan kita dengan Allah serta hubungan kita sesama manusia.

SAUDARA MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH!

Suatu ketika, Abdullah bin Umar datang menemui Rasulullah SAW yang sedang berkumpul bersama sepuluh sahabat. Seorang sahabat Ansar di kalangan mereka bertanya, "Wahai Rasulullah, siapakah orang yang paling cerdas dan pemurah itu?"

Baginda menjawab, "Orang yang sentiasa mengingat kematian dan melakukan persiapan menghadapi kematian. Itulah orang cerdas yang akan memperoleh kehormatan di dunia dan kemuliaan di akhirat kelak." (HR Hakim, At-Thabrani dan At-Tirmizi).

Sesungguhnya perbuatan bertaubat dan memohon keampunan daripada Allah SWT merupakan sebahagian daripada persiapan penting dalam menghadapi hari akhirat. Kerana itu, marilah kita jadikan amalan segera bertaubat secara berterusan sebagai rutin kehidupan kita, mudah-mudahan taubat kita diterima Allah, sebagaimana janji-Nya di dalam al-Quran:-

وَهُوَ الَّذِي يَقْبَلُ التَّوْبَةَ عَنْ عِبَادِهِ وَيَعْفُو عَنِ السَّيِّئَاتِ وَيَعْلَمُ مَا تَفْعَلُونَ ﴿١٥﴾

Yang bermaksud: "Dan Dialah Tuhan yang menerima taubat dari hamba-hamba-Nya (yang bertaubat) serta memaafkan kejahatan (yang mereka lakukan) dan Dia mengetahui akan apa yang kamu semua kerjakan." (S. Asy-Syuraa: 25).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَتَفَعَّلِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.



Diterbit dan diedarkan oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah